


BAB KEDUA

KONSEP DAN PENGUKURAN KENISKINAN



BAB II

KONSEP DAN PENGUKURAN KEMISKINAN.

2.1 PENDAHULUAN

Sebelum diuraikan secara lanjut tentang konsep dan pengukuran kemiskinan eloklah sekiranya penulis mengemukakan secara ringkas asas falsafah ekonomi Islam, sejarah kemiskinan secara umum, kemiskinan menurut pandangan Islam dan implikasi kemiskinan. Penerangan ini perlu untuk memberi gambaran bahawa kemiskinan merupakan penyakit yang perlu dipandang serius, yang kalau dibiarkan berlarutan akan memberi implikasi yang buruk kepada masyarakat.

2.2 ASAS FALSAFAH EKONOMI ISLAM

Menurut Surtahman Kastin dalam bukunya Ekonomi Islam¹ bahawa asas ekonomi secara ringkasnya dapat dibahagikan kepada enam bahagian iaitu:

¹Surtahman Kastin Hassan, Ekonomi Islam, terbitan Universiti Kebangsaan Bangi, 1989, hal: 12 dan 13.

2.2.1 Konsep Tauhid.

Konsep tauhid merangkumi hubungan antara manusia dan penciptanya (Allah), dan hubungan manusia dengan manusia. Pehubungan manusia antara manusia adalah dalam naungan sinaran perhubungan dengan Allah, tidak takut kepada manusia sebab manusia adalah makhluk yang tidak ada kuasa. Sebaliknya tidak menganiyai manusia lain sebab Allah adalah pencipta dan pemelihara segala makhluk termasuk manusia tersebut.

2.2.2 Konsep Rububiyah.

Sifat Allah sebagai penguasa yang membuat peraturan-peraturan bagi menjaga dan menampung kehidupan makhluk kepada kesempurnaannya. Dalam konteks ekonomi ianya merupakan peraturan Ilahi bagi mengukur rezeki dan aktiviti ekonomi bagi kepentingan sebenar.

2.2.3 Konsep Tazkiyah.

Konsep tazkiyah ialah membentuk kesucian jiwa dan ketinggian akhlak. Salah satu tujuan perutusan rasul-rasul ialah untuk memurnikan dan mensucikan hati manusia di dalam

hubungannya dengan Allah, manusia dan alamnya. Pensucian harta melalui zakat dan sedekah. Dari tazkiyah lahirlah al-falah. Pengluhuran tazkiyah adalah natijah dari pelaksanaan konsep Rububiyah.

2.2.4 Manusia Sebagai Khalifah.

Sebagai khalifah yang sekaligus menjadi hamba Allah, manusia adalah pemegang amanah dan mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Dia berperanan untuk memakmurkan bumi. Walau bagaimanapun pemekmuran ini adalah dalam hubungan pengabdian diri kepada Allah.

2.2.5 Persaudaraan Dan Pengorbanan.

Persaudaraan sebahagian daripada Tauhid. Rasa kasih sayang, hormat-menghormati, bertanggungjawab dan rela berkorban untuk saudaranya adalah tanda iman seseorang. Oleh itu tindas menindas, memeras, bakhil tidak wujud dalam pengamalan ekonomi Islam.

2.2.6 Matlamat Kegiatan Ekonomi

Matlamat kegiatan ekonomi adalah al-falah. Ekonomi kebendaan bukanlah matlamat, tapi hanya boleh digunakan

sebagai wasilah (alat) bagi mencapai al-falah. Oleh itu ekonomi tidak boleh hanya dipandang dari aspek kebendaan semata-mata, tetapi perlu dilihat aspek kerohanianya.

2.3 PENGAGIHAN MENURUT ISLAM

Keadaan jurang perbezaan pendapatan antara golongan miskin dan golongan kaya, adalah bersifat semula jadi di dalam Islam. Ini berdasarkan ayat dalam surah Al-An'am ayat 165 yang berbunyi:

وَمَآذَىٰ بَعَثْنَا خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ وَرَفَعْنَا بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّيَبْلُوَكُمْ فِيهَا ؕ إِنَّكُمْ عِنْدَ رَبِّكُمْ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ

Artinya: Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengah yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksanya. Dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.²

Dengan itu, golongan yang diamanahkan Allah akan harta kekayaan berpunca dari kelebihan mental dan fizikal, wajib menyerahkan sebahagian dari harta untuk mereka yang memerlukan iaitu mereka yang disebut dalam Al-Quran yang berhak menerimanya.³

² Surah Al-An'am ayat 165.

³ Saiful Azhar bin Rosly, Nota Kuliah Kemanusiaan, hal: 20 & 21.

Dalam hal pengagihan kekayaan ini fungsi pengagihan bukan hanya terletak di tangan individu sahaja, tetapi juga kepada pemerintah apabila kekayaan dalam masyarakat sudah tidak ada keseimbangan kekayaan.⁴ Ini sebagaimana firman Allah:

كَيْ لَا يَكُونَ دَوْلَةٌ بَيْنَ الْأَعْيُنِ مَنْكُمْ

Ertinya: Supaya harta itu jangan hanya beredar diantara orang-orang kaya saja diantara mereka sekalian.⁵

Oleh itu salah satu jalan untuk mewujudkan pengagihan yang adil ialah Allah mewajibkan zakat kepada orang kaya. Kerana dengan zakat dapat melahirkan keadilan masyarakat, memenuhi tuntutan hidup orang yang tidak berkemampuan, menghalang dari berkumpulnya kekayaan-kekayaan dalam tangan tertentu dan mendekatkan jurang perbezaan antara golongan dalam masyarakat.⁶ Sebagaimana firman Allah:

وَالَّذِينَ يَكْنُزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي

⁴Dr.Ahmad Muhammad Al-Assal, Dr.Fathi Ahmad Abdul Kasim, Sistem Ekonomi Islam Prinsip-prinsip dan Tujuan-tujuannya, Terj: Drs. H. Abu Ahmad Anshoori Umar Sitanggal, terbitan Al-Haramain Sdn. Bhd. Singapura, 1984 hal: 13.

⁵Surah Al-Hasyr, ayat 7.

⁶Prof. Dr. Ali Abd. Walid Wafi, Prinsip Persamaan Islam, Terj: Mahmud Zudhi H.J. Abd. Majid, terbitan Sykt. Mursyid Sdn. Bhd. Kota Bharu Kelantan, Cetakan pertama 1970, hal 86.

سَبِيلَ اللَّهِ فَبَشِّرْهُ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

Ertinya: Orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak membelanjakan pada jalan Allah hendaklah diberi mereka khabar suka dan siksaan pedih.⁷

Oleh itu dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pengagihan kekayaan satu aspek yang dipandang berat oleh Islam semata-mata untuk mewujudkan kemakmuran dunia. Sesungguhnya nikmat-nikmat yang Allah jadikan di bumi ini untuk kepentingan dan manfaat orang ramai, maka ia tidak harus diabaikan.

Maka dengan inilah undang Islam tidak membenarkan seseorang itu membiarkan tanahnya tiga tahun tanpa dikerjakan. Jika sekiranya ia diperhidupkan oleh orang lain, maka tuan tanah itu tidak lagi berhak keatasnya.⁸

Dari sini maka Islam telah menetapkan segala urusan ekonomi manusia diatas prinsip-prinsip kebenaran, kendalian dan amanah serta meletakkan aspek pertama dalam ekonomi Islam ialah memerangi pengumpulan dan kekayaan ditangan sebilangan kecil anggota-anggota masyarakat.

⁷ Surah At-Taubah, ayat 34.

⁸ Abu A'la Al-Maududi, *Cara Hidup Islam*, terj: Wan Salim Muhammad Nor, terbitan The Holy Quran Publishing House Syria, 1977, hal: 43

Sebaliknya Islam menyukai pembahagian modal yang begitu besar kepada unit-unit yang kecil dan sederhana. Sistem Islam juga menghendaki agar kekayaan itu digunakan sebagai alat untuk mencapai kepentingan masyarakat umum.⁹

Sistem Islam juga menyifatkan penumpuan harta dalam tangan individu, samada ia waris atau penerima wasiat akan membawa kepada keujudan golongan yang kuat dan berkuasa yang akan meneruskan kejahatan dan kezaliman. Sebagaimana firman Allah yang berbunyi:

كَلَّا إِنَّ الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكَنَّا فَاكِرٌ
كَلَّا إِنَّ الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكَنَّا فَاكِرٌ

Bertinya: Manusia akan menjadi zalim apabila ia melihat dirinya menjadi kaya-raya.¹⁰

2.4 SEJARAH KEMISKINAN.

Kemiskinan dan orang-orang miskin sudah dikenali oleh manusia dan sejarah, semenjak zaman-zaman lampau. Oleh itu setiap masyarakat yang wujud di atas muka bumi ini tidak sepi lagi dalam menghadapi masalah

⁹ Aj-Lababidi, Ekonomi Islam Suatu Perbandingan, terjemahan Yusuf Ismail DUA, terbitan A.S. Roudoon Kuala Lumpur, cetakan pertama, 1987, hal. 27.

¹⁰ Surah Al-Alaq, ayat 6-7.

kemiskinan.

Seorang ilmuan besar¹¹ melaporkan bahwa sejarah hitam hubungan di antara orang-orang kaya dan orang miskin telah berlangsung semenjak kebudayaan-kebudayaan awal manusia. Katanya: "Pada bangsa apapun peneliti mengarahkan perhatiannya, ia hanya akan menemukan dua golongan manusia yang tidak ada ketiganya. Iaitu golongan yang berkecukupan (kaya) dan golongan yang melarat.

Di sebalikitu selalu terdapat keadaan yang sangat menarik, iaitu golongan yang kaya selalu dalam keadaan makmur tanpa batas, sedangkan golongan yang melarat semakin tertindas tak berdaya. Terancam lah bangunan masyarakat oleh fenomena ini, sedangkan orang-orang yang hidup mewah itu, sudah tidak sedar mulai dari mana atap di atasnya runtuh¹²."

Kemiskinan telah melanda beberapa negara sejak dahulu kala lagi. Walaupun kebanyakan negara, kaya dengan

¹¹ Almarhum Prof. Mond Said Wajdi, Al-Islam Di Lau Khalid. Cetakan pertama, hal. 179-181.

¹² Dr. Yusof Qardawi, Buku Teks Studi Kooperatif Mengenai Status Dan Salsafah Iktis Berdasarakan Al-Quran Dan Hadis. Terj: Drs. Salman Harun, Drs. Didi Hafiduddin dan Drs. Hassanuddin, Pustaka Nasional Pte. Ltd, Singapura. Cet. pertama 1987, hal. 43.

hasil hasilnya dan dapat menampung berganda-ganda makanan untuk penduduk negerinya, tetapi kemiskinan masih lagi menyerang dan membebani negara tersebut.

Mesir pada zaman kunonya merupakan surga di atas muka bumi ini. Apa saja jenis tanaman tumbuh dan subur disana. Kalau didasarkan dengan keadaan yang sedemikian rupa, sudah tentu rakyatnya mampu hidup dalam keadaan mewah dan serba cukup. Walau bagaimana pun keadaan ini tidak sama dengan apa yang disangka. Ini kerana, di sana masih terdapat ramai lagi golongan yang tidak mampu untuk makan. Ini dapat dilihat pada masa Dinasti XII, orang-orang miskin telah menjual diri mereka pada orang-orang kaya yang kemudian ditindas oleh golongan tersebut.¹³

Begitulah juga apa yang berlaku didalam kerajaan Babilonia, Yunani, Athen dan Roma. Walaupun negara itu tidak ada bezanya sebagaimana makmurnya negara Mesir dengan hasil mahsyulnya tetapi kemiskinan juga tidak pernah sunyi dari menjadi masalah kepada negara tersebut.

Ilmuan besar Misyih di kerajaan Rumawi berkata: "Orang-orang miskin semakin hari semakin miskin, sedangkan orang-orang kaya semakin kaya. Mereka bertolak-tolak."

¹³ Ibid, hal. 43-44.

Binasalah dan matikan orang banyak itu kelaparan, bila mereka tidak sanggup pergi ke medan perang. Sehingga lah Rumawi hancur dan digantikan dengan kerajaan eropah, yang mana nasib orang-orang miskin masih lagi seperti sedia kala malah lebih teruk lagi. Mereka dijual bersama tanah milik mereka seperti binatang.¹⁴

Keadaan ini berlarutan melanda negara-negara didunia ini sehinggalah sampai sekarang. Yang menghairankan kita banyak negara-negara yang dilanda kemiskinan terdiri daripada negara yang kaya dengan hasil buminya. Diantara negara-negara yang teruk dilanda kemiskinan ialah seperti Chad, Guinea, Mali, Niger, Somalia, Tanzania, Suddan, Gambia, Volta Hulu, Etopia, Guinea Bissau, Kepulauan Kamemerun, Afrika Tengah, Kepala Hijau, Burundi, Benine, Botsana, Guinea Khatulistiwa, Setani dan Sichel. Kesemuanya terletak di Afrika.¹⁵

Manakala negara miskin di Asia terdiri daripada Afghanistan, Bangladesh, Bhutan, Yaman Utara, Yaman

¹⁴ Ibid hal: 54.

¹⁵ Dr. Nabil Subhi Ath-Thawi, Kemiskinan Dan Keterbelakangan Di Negara-Negara Muslim terj: Jalaluddin Rahmat, Thinkers Library Sdn. Bhd. Cetakan pertama 1986, hal. 41.

Selatan, Kepulauan Maladewa, Nepal, Laos, Malaysia, Indonesia, Filipina dan juga Thailand. Di Oceania pula ia terdiri daripada negara Samoa Barat dan Tonga. Begitu juga di Amerika, negeri yang dilanda kemiskinan ialah Haiti dan lain-lain lagi.

Ini menunjukkan kemiskinan merupakan suatu penyakit yang perlu dipandang serius dan ia bukan bergantung kepada keadaan Ekonomi sesuatu negara tersebut, tetapi hanya merangkumi aspek-aspek tertentu yang memerlukan pengkajian yang teliti lagi mendalam.

2.5

KEMISKINAN MENURUT PANDANGAN ISLAM

Kalau diteliti secara terperinci ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah S.a.w., tidak ada satu pun yang memuji terhadap kemiskinan. Walaupun terdapat juga ayat-ayat dan hadis-hadis yang memuji sifat zuhud (iaitu mengutamakan akhirat daripada dunia) dalam menempuh hidup duniawi, ini sama sekali tidak menyentuh tentang terpujinya kemiskinan. Ini sebagaimana firman Allah:

وَمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَهْوٌ وَلَعِبٌ وَإِنَّ الدَّارَ الْآخِرَةَ لَهِيَ الْحَيَوَانُ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ

Artinya: "Dan tiadalah kehidupan dunia ini melainkan senda gurau dan main-main. Dan sesungguhnya

akhirat itulah yang sebenarnya kehidupan, kalau mereka mengetahui.¹⁶

Firman Allah:

إِنَّمَا تَحْيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهْوٌ وَإِن تَوَّأْمِنُوا وَتَتَّقُوا
يُؤْتِكُمْ أَجُورَكُمْ وَلَا يَسْأَلْكُمْ أَمْوَالَكُمْ

Maksudnya: "Sesungguhnya kehidupan dunia hanyalah permainan dan senda gurau. Dan jika kamu beriman dan bertakwa Allah akan memberi pahala kepada mu dan Dia tidak akan meminta harta-hartamu."¹⁷

Dan firman Allah lagi:

وَمَا تَحْيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعِبٌ وَلَهْوٌ وَلِلْآخِرَةِ
خَيْرٌ لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ .

Ertinya: " Dan tidaklah kehidupan dunia ini, selain dari main-main dan senda gurau balaka. Dan sesungguhnya kampung akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertakwa. Maka tidaklah kamu memahaminya."¹⁸

Disamping itu Rasulullah juga telah bersabda:

إِزْهَدْ فِي الدُّنْيَا يَحْبِكَ اللَّهُ . وَازْهَدْ فِيهَا
فِي أَيْدِي النَّاسِ يَحْبِكَ النَّاسُ .

رواه التَّائِمِيُّ سَلَى بْنِ سَعْدٍ .

¹⁶ Al-Quran Surah Ankabut ayat 64.

¹⁷ Al-Quran Surah Muhammad ayat 36.

¹⁸ Al-Quran Surah Al-An'am ayat 32.

Ertinya: Berzuhudlah di dunia akan dikasihi Allah dan zuhudlah apa yang ditangan manusia akan dikasihi manusia.¹⁹

Adapun zuhud yang dimaksudkan disini bukanlah membiarkan diri berada dalam kemiskinan, tetapi Islam memandang zuhud dalam erti yang sebenarnya, adalah orang yang berharta dan sanggup menjadikan hartanya itu dibawah kekuasaannya, bukan dia yang dikuasai atau diperhambakan oleh hartanya. Sebagaimana firman Allah:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى
التَّمَلُّكِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ .

Ertinya: Dan belanjalah harta kamu di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri kedalam kebinasaan, kerana Allah menyukai orang orang yang berbuat baik.²⁰

Kepada mereka yang ingin dan berminat hendak mengumpulkan harta bertimbun di dunia adalah tidak menjadi kesalahan asalkan berdasarkan lunas yang halal dan zuhud pada benda yang haram. Ertinya tidak menggunakannya pada perkara yang tidak diredhai Allah bahkan menunaikan pekara

¹⁹Hadis Riwayat Dari Ibn.Majah. Dari Sah) bin Said, Terjemah Mukhtarui Hadis H. Hadiya Salim, hal.93.

²⁰Surah Al-Baqarah, ayat 195

yang difardhukan tentang harta seperti mengeluarkan zakat, memberi bantuan kepada faqir-miskin, anak yatim dan lain-lain lagi.²¹

Islam menilai, bahawa kekayaan itu satu kenikmatan sebagai kurniaan Allah yang harus disyukuri, dan kemiskinan itu suatu cubaan, bahkan suatu bencana, yang hanya dengan pertolongannya sahaja, ia dapat dihindari. Terdapat banyak ayat-ayat Al-Quran dan Hadis yang menyokong keadaan ini sebagaimana firman Allah:

ووجدك عَائِلًا فَأَغْنَى

Yang bermaksud: "Dan Dia (Allah) telah mendapati (Muhammad) dalam keadaan papa, kemudian Dia memperkayakan."²²

Manakala didalam hadis Rasulullah pernah berdoa memohon perlindungan kepada Allah dari ancaman kemelaratan dan juga perlindungan dari kekufuran dalam satu ungkapan:

اللهم انى أئوذ بك من الكفر والفقير

Ertinya: "Ya Tuhanku, aku berlindung kepadaMu dari bahaya kekufuran dan kemelaratan."²³

21 Sulaiman Mohd. Yassin, Mengenal Ilmu Tasauf Al-Rahmaniah, Cetakan Kedua 1984. hal.21.

22 Al-Quran Surah Dhuha ayat 8.

23 Hadis Riwayat Abu Daud.

2.6 IMPLIKASI KEMISKINAN

Di dalam Al-Quran dan Al-hadis banyak dibincangkan tentang implikasi kemiskinan, sana ada dari segi aqidah, moral kepercayaan, fikiran, kebudayaan dan juga terhadap keluarga bangsa dan juga negara seluruhnya sebagaimana yang akan jelaskan nanti.

2.6.1 Implikasi Kemiskinan Terhadap Aqidah.

Tidak diragukan lagi, bahawa kemiskinan merupakan bahaya yang besar terhadap kepercayaan agama, khususnya kemiskinan yang berada di hadapan orang-orang kaya yang sombong. Apa yang membimbangkan lagi sekiranya orang miskin itu tidak menentu pekerjaannya, sedangkan orang kaya tidak mahu menghulurkan bantuannya.

Di saat inilah kemiskinan akan mengundang keraguan terhadap Sunnatullah (peraturan Allah) serta dapat menimbulkan kepercayaan adanya ketidakadilan dalam pembahagian rezeki. Ini sebagaimana sabda Nabi Muhammad s.a.w:

كَادَ الْفَقْرَانُ يَلُوزَ كُفْرًا

Ertinya: " Hampir-hampir kemiskinan menjadikan seseorang kufur".²⁴

²⁴Hadis Riwayat Abu Naim Kitab Hilya.

Ini lah bahayanya kegoncangan aqidah yang ditimbulkan oleh kemiskinan, sehingga sebahagian Ulama Salaf mengatakan : Manakala kemiskinan itu pergi kesuatu negeri, maka kekafiran akan meminta kepadanya " Bawalah aku bersama mu"²⁵

2.6.2 Implikasi Kemiskinan Terhadap Etika Dan Moral.

— Bila kemiskinan merupakan bahaya bagi agama dari segi aqidah, maka tidak sedikit pula bahayanya terhadap etika dan moral. Banyak orang-orang miskin lebih-lebih lagi yang hidup di tengah-tengah orang kaya, kekecewaan dan keputusan mendorong mereka untuk bertindak dengan tindakan yang diluar daripada tuntutan akhlak. Keadaan ini akan lebih bahaya lagi apabila kekecewaan mereka tidak boleh dikawal lagi, maka akan timbul sesuatu yang buruk, yang boleh membawa pengabaian terhadap nilai agama.

Nabi Muhammad telah menjelaskan kepada sahabatnya akan besarnya bahaya kemiskinan dan pengaruhnya terhadap nilai-nilai moral sebagaimana sabdanya:

²⁵Dr. Yusof Qardawi, Problema Kemiskinan. Apa Konsep Islam, terj: Umar Fanny BA, Pena Mas Malaysia 1980 hal: 26.

خذوا العطاء مادام عطاء . فاذا صار رشوة على الدين
فلا تأخذوه ولستم بتاكيه تمنعكم الحاجة والفقير .

Yang bermaksud: Ambillah pemberian orang itu selama pemberian yang wajar, apabila sudah merupakan suapan mengharap suatu pinjaman (hutang) maka, janganlah kamu menerimanya. Dan kamu tidak dapat menghindarinya selama kamu diliputi kemiskinan.²⁶

Di saat itu Nabi Muhammad telah menerangkan juga pengaruh hutang terhadap orang yang melakukannya sebagaimana sabdanya:

ان الرجل اذا عزم استدان - حدث
فكذب ووعده وخلف .

Ertinya: "Ketahuilah, manakala seseorang itu ditekan oleh hutang, maka apabila berkata dia berdusta dan apabila berjanji ia mengingkari".²⁷

Keadaan inilah juga yang akan membawa kerosakan kepada masyarakat, agama dan juga negara . Apabila manusia sudah rosak aqidah dan sudah mengabaikan nilai-nilai akhlak yang murni maka sudah tentu risikonya akan sama dirasai oleh seluruh masyarakat. Kedua-dua keadaan ini merupakan contoh bagaimana besar pengaruh kemiskinan terhadap masyarakat, negara dan seterusnya kepada agama.

Dengan inilah maka Islam telah menggariskan bahawa kemiskinan mesti dihindari dan merupakan problem yang harus

²⁶ Hadis Riwayat Abu Naim, dalam Kitab Hilya.

²⁷ Hadis Riwayat Bukhari, Muslim Dan Nasai Dari Abu Hurairah

diselesaikan dengan menaruh keyakinan penentangan terhadap kemiskinan bukanlah suatu penentangan terhadap takdir dan iradat Ilahi.

2.7 KONSEP DAN PENGUKURAN KEMISKINAN MENURUT ISLAM.

Dari Abu Hurairah Radhiallah, telah bersabda Rasulullah s.a.w.:

ليس المسكين الذي توده القرة والتمران، ولا اللقمة
واللقمتان، إنما المسكين الذي يتعفف، اقرءوا ان فستم :
« لا يسئلون الناس الحافاء، وفي لفظ : ليس المسكين
الذي يطوف على الناس توده اللقمة واللقمتان، والقررة
والتمران، ولكن المسكين الذي لا يجد غفً يعنيه، ولا
يفطن له، فيتصدق عليه، ولا يقوم فيسأل الناس .

Artinya: "Yang dikata miskin, bukanlah orang yang boleh ditolak oleh satu atau dua suap kurma, oleh sesuap atau dua suap nasi, tetapi orang miskin itu ialah yang dapat menahan diri daripada meminta-minta. Jika kamu ingin, bacalah ayat: "Mereka tidak meminta kepada orang secara mendesak".

Dan pada suatu riwayat kalimatnya berbunyi: " Yang dikayakan miskin, bukanlah orang berkeliling diantara manusia dan ditolak oleh sesuap, atau dua suap, oleh sebuah atau dua buah kurma, tetapi orang miskin itu ialah yang tidak berkecukupan, tetapi tidak diketahui orang hingga dapat diberi sedekah, tidak bangkit berdiri buat meminta-minta".²⁸

Dalam mengukur kemiskinan Islam telah

²⁸Hadis Riwayat Bukhari Dan Muslim.

membahagikannya kepada dua konsep, iaitu faqir dan miskin. Dalam menentukan pengukuran fakir dan miskin ini ulama telah berselisih pendapat. Mengikut mazhab Syafi'i, fakir ialah seorang yang tidak ada harta atau mata pencarian halal yang boleh menampung keperluan hidupnya sendiri dan orang dibawah tanggungannya, secara sederhana.²⁹

Sementara miskin pula, seorang yang mempunyai harta atau pencarian halal yang boleh menampung sedikit sebanyak keperluan hidupnya sendiri dan orang dibawah tanggungannya secara sederhana tetapi tidak begitu mencukupi.³⁰

Kata Imam Ar-Ramli³¹ kalau pendapatannya kurang dari separuh keperluan hidupnya, dia seorang fakir, tetapi kalau lebih daripada separuh dia dianggap sebagai seorang miskin.

Mengikut Mazhab Syafi'e lagi, seseorang seperti diatas tetap dianggap miskin dan fakir meskipun dia mempunyai tempat kediaman yang sesuai. Ini bererti, dia tidak perlu mejualkan kediamannya bagi perbelanjaan

²⁹Prof. Mahmud Zuhdi Hj. Abd. Majid, Kertas Kerja III Pengacihan Zakat, dalam Seminar Zakat I, anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia di Kelantan, hal: 3

³⁰Ibid

³¹Ibid

harian. Seterusnya orang itu boleh dianggap miskin atau fakir meskipun dia mempunyai harta tetapi tidak boleh dibelanjakan disebabkan oleh halangan-halangan tertentu kerana jauh dan tidak ada ikhtiar untuk membolehkannya atau oleh sekatan undang-undang dan peraturan seperti bangkrap dan sebagainya.³²

Jelasnya mengikut pandangan mazhab Syafi'e miskin atau kayanya seseorang dalam kontek kita disini, banyak ditentukan oleh keperluan sendiri, dan bukan oleh sebanyak mana harta atau pendapatan yang dia ada. Dalam hal ini Imam Syafi'e berkata, mungkin seseorang yang mempunyai satu dirham dan mampu menghasilkan itu kaya, tetapi sebaliknya orang itu dianggap miskin walaupun mempunyai seribu dirham, tetapi tidak mampu menghasilkan pendapatan serta banyak pula tanggungannya.³³

Sebaliknya pula kalau sekiranya seseorang itu mampu bekerja untuk menghasilkan keperluan hidupnya tetapi memilih untuk menganggur, dia tidak boleh dianggap fakir atau miskin. Kata Imam Nawawi: Bahagian fakir miskin tidak

³²Ibid, hal:4

³³Al-Khattabi, *Ma'aliq As-Sunnah*, Jilid 2, Beirut Lebanon, Cetakan 1933, hal:27

47

boleh diberikan kepada orang kaya dan kepada orang yang mampu berkerja dan juga mampu menghasilkan keperluan yang cukup untuk diri serta mereka yang berada di bawah tanggungannya.³⁴

Walaupun bagaimanapun perlu diperingatkan bahawa maksud daripada kemampuan mencari pendapatan di sini, ialah yang secukupnya. Kalau tidak seseorang itu tetap miskin atau fakir. Begitu juga yang dimaksudkan dengan kerja atau usaha-usaha yang sepadan dengan kedudukan dan maruahnyanya. Tanpa kerja-kerja atau usaha-usaha seperti itu, seseorang itu boleh disifatkan sebagai tidak ada dan tidak mampu berkerja.

Sehubungan dengan persoalan itu para ulama menjelaskan, kalau seseorang itu tidak melakukan kerja-kerja mencari sara hidup tetapi hanya menumpukan sepenuhnya kepada usaha beribadat, dia juga tidak dianggap termasuk golongan fakir dan miskin. Ini kerana dia disuruh berkerja oleh Islam. Kalau seseorang itu menumpukan masanya untuk belajar, kerana dia sebenarnya dengan cara ini melakukan tugas-tugas kemasyarakatan yang dalam Islam disifatkan sebagai fardhu kifayah, maka dia tergolong dalam

keadaan fakir dan miskin.

Dalam menentukan pengukuran kemiskinan Ulama telah memberi beberapa pendapat. Ahli ilmu Tafsir, Al-Tabari menegaskan bahwa fakir ialah orang yang dalam memerlukan, tetapi dapat menjaga dirinya dari meminta-minta, sedangkan miskin, ialah orang yang dalam memerlukan dan suka meminta-minta.³⁵

Pengukuran kemiskinan menurut Mazhab Hanafi juga dibahagikan kepada dua konsep, yaitu fakir dan miskin. Menurutnya fakir ialah orang yang tidak memiliki apa-apa menurut hukum zakat yang sah, atau nilai sesuatu yang dimiliki mencapai nisab atau lebih, yang terdiri daripada perabot, barang-barang pakaian dan buku-buku sebagai keperluan pokok sehari-hari, sedangkan miskin ialah mereka yang tidak mempunyai apa-apa.³⁶

Manakala ukuran fakir dan miskin menurut mazhab yang tiga, fakir ialah mereka yang tidak mempunyai harta atau penghasilan yang layak memenuhi keperluannya seperti

³⁵Al-Tabari Jilid 14, Dar-Maarif, Beirut Cetakan 4 1980 Hal: 308-309.

³⁶Dr. Yusuf Qardawi, Hukum Zakat, Op. Cit. hal: 512-513

keperluan asas dan segala keperluan pokok lainnya., baik untuk diri sendiri atau untuk mereka yang berada dibawah tanggungannya. Misalnya orang yang memerlukan sepuluh dirham sehari, tetapi yang ada hanya empat, tiga atau dua dirham. Miskin pula ialah orang yang mempunyai harta atau penghasilan yang layak memenuhi keperluannya serta orang dibawah tanggungannya, tetapi tidak mencukupi. Misalnya yang diperlukan sepuluh tetapi yang ada hanya tujuh atau lapan.³⁷

Perbezaan-perbezaan pendapat di kalangan para 'Fuqaha' dalam menghuraikan konsep ini, sebagaimana telah kita katakan di atas, adalah hasil dari perbezaan pengalaman masing-masing mengenai masyarakat semasa, sedangkan Al-Quran dan as-sunnah sendiri tidak banyak memberi huraian secara detail. Dalam keadaan begini adalah wajar bagi kita sekarang menggariskan satu konsep yang tersendiri mengenai fakir miskin di negara ini berasaskan kepada panduan-panduan umum Al-Quran dan as-Sunnah dan realiti ekonomi dan sosial di negara kita sekarang ini.

Begitu juga berkenaan dengan kadar yang harus diberikan kepada fakir miskin berkenaan. Walaupun para

fuqaha' berselisih pendapat dalam hal ini namun perselisihan itu banyak berasaskan kepada pengalaman masing-masing dalam masyarakat setempat dan semasa dengan berpandukan sedikit sebanyak huraian hadis-hadis secara umum. Apa yang jelas dan diakui oleh semua ialah bahawa pemberian zakat kepada fakir miskin itu ialah untuk meninggikan taraf hidup mereka. Berdasarkan kepada realiti yang ada dalam masyarakat kita pada masa ini objektif ini tidak akan tercapai dengan hanya memberi seringgit dua ringgit seorang dari semasa ke semasa. Adalah wajar kalau sumbangan-sumbangan kepada mereka ini, selain dari dibuat dalam bentuk segera, dibuat dengan memberi modal atau alat-alat kerja supaya mereka boleh cuba berdikari.

2.8 KONSEP DAN PENGUKURAN KEMISKINAN DI MALAYSIA.

Kemiskinan adalah suatu konsep yang mengandungi berbagai pengertian dan tanggapan serta mudah pula dipengaruhi oleh perasaan. Penggunaan dan pemahaman yang kurang tepat mengenai konsep ini akan memberi gambaran yang menggelirukan mengenai keadaan sebenar taraf hidup sesebuah negara. Kemiskinan sering digambarkan sebagai keadaan kekurangan zat makanan yang keterlalauan, keperluan asas untuk hidup, seperti tempat tinggal, makanan dan pakaian. Disamping itu kebuluran, kelaparan yang meluas dan

kerendahan maruah seseorang, apabila dia terpaksa meminta sedekah untuk hidup.³⁸

Dalam menentukan pengukuran kemiskinan berbagai konsep telah digunakan. Dua konsep kemiskinan yang biasa digunakan ialah kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif.

2.8.1 Kemiskinan Mutlak.

Kemiskinan mutlak merupakan konsep yang dikaitkan dengan ketidak mampuan untuk mendapatkan keperluan minimum bagi mengekalkan kecekapan fizikal atau bagi memenuhi keperluan asas manusia. Pendapatan yang dianggap memenuhi keperluan asas secukup hidup ini kemudian diambil kira untuk menentukan " garis kemiskinan ". Isi rumah atau individu yang berpendapatan dibawah tingkat pendapatan ini, ditafsirkan sebagai golongan miskin.³⁹

2.8.2 Kemiskinan Relatif.

Manakala konsep kemiskinan relatif pula ialah

³⁸Rancangan Malaysia Kelima 1985-90, Cetakan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1986, hal: 96.

³⁹Chamburi Siwar dan Mohd Hafiz Piel, Isu, Konsep Dan Dimensi Kemiskinan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur hal:10.

mengukur ketaksamaan kebajikan atau kekayaan antara kumpulan tertentu dalam masyarakat iaitu dalam satu keselajaran ketaksamaan. Kemiskinan relatif ialah keadaan 'deprivation' berbanding yang membolehkan kita membahagikan kepada kumpulan-kumpulan miskin dan kaya.⁴⁰

Sementara konsep kemiskinan mutlak merujuk kepada pemenuhan keperluan asas, kemiskinan berbanding pula merujuk kepada agihan pendapatan. Kedua-dua konsep ini mempunyai implikasi dari segi dasar yang berbeza. Misalnya, di Malaysia oleh kerana sebahagian besar keperluan asas telah dipenuhi dan tidak wujud kebuluran dan kekurangan makanan, pemerintah menganggap kemiskinan mutlak tidak wujud, dan tumpuan hanya diberi kepada usaha mengurangi kemiskinan berbanding. Walau apapun definasi kemiskinan digunakan, keadaan ini tetap merupakan manifestasi ekonomi dan sosial.⁴¹

Walaupun bagaimanapun menurut Rancangan Malaysia Kelima konsep kemiskinan mutlak juga telah diterima dengan meluas kerana ianya bertujuan menjelaskan kemiskinan sebagai kekurangan pendapatan yang diperlukan untuk memenuhi

⁴⁰Ibid. hal:10

⁴¹Ibid. hal:11

keperluan-keperluan sara hidup yang minimum. Ukuran yang biasa digunakan ialah kadar kemiskinan, iaitu peratusan penduduk atau isi rumah yang mempunyai taraf hidup yang rendah daripada garis kemiskinan yang ditentukan.

Pendapatan garis kemiskinan ialah satu tingkat pendapatan sebuah isirumah untuk membolehkannya secara purata, menikmati makanan berzat yang mencukupi yang biasanya ditakrifkan mengikut kiraan kalori. Garis kemiskinan ini juga mengambil kira jenis-jenis perbelanjaan yang lain untuk mengekalkan taraf hidup yang memuaskan berdasarkan norma-norma yang sedia ada. Satu lagi ukuran yang biasa digunakan ialah kejadian kemiskinan, iaitu bilangan isi rumah miskin dalam sesebuah kawasan samada negeri atau daerah berbanding dengan jumlah isirumah miskin keseluruhannya.⁴²

Di Malaysia konsep kemiskinan adalah diukur berasaskan satu peringkat perbelanjaan yang minimum atau pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang membezakan golongan miskin dan golongan bukan miskin. Perbelanjaan minimum

⁴²Rancangan Malaysia Kelima, Op. Cit., hal: 96.

tersebut merupakan paras kemiskinan mutlak yang ditentukan berasaskan kepada taraf hidup penduduk negara ini. Oleh yang demikian kemiskinan diukur selaras dengan negara ini dan tidak boleh dibandingkan dengan negara-negara lain.⁴³ PGK mengandungi tiga komponen utama iaitu makanan, pakaian, alas kaki dan perbelanjaan bukan makanan pula seperti pengangkutan, perhubungan, kesihatan, pendidikan dan rekreasi.⁴⁴

Paras P G K ini dikemskinikan setiap tahun dengan menggunakan Indeks Harga Pengguna bagi menggambarkan perubahan harga. Pada tahun 1987, PGK ialah kira-kira \$350 sebulan bagi sebuah isirumah yang terdiri daripada 5.14 orang di Semenanjung Malaysia dan sebanyak \$429 sebulan untuk isirumah seramai 5.24 di Sarawak dan sebanyak \$533 sebulan untuk isirumah seramai 5.36 di Sabah.⁴⁵

Walaupun bagaimanapun PGK mempunyai beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian. Adalah jelas bahawa kemiskinan mempunyai berbagai dimensi dan dari itu tidak ada satu

⁴³Ibid., hal: 97.

⁴⁴Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-90, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, hal: 52.

⁴⁵Ibid.

bentuk pengukuran yang boleh dianggap sebagai mencukupi. Oleh itu, pendekatan bagimengukur kemiskinan yang berdasarkan pendapatan perlu dibantu dengan dimensi-dimensi lain yang mempengaruhi taraf hidup sesebuah keluarga.

Antara dimensi itu ialah kebolehan sesebuah rumah mendapatkan kemudahan asas serta menikmati peluang-peluang penyertaan yang bermakna selaras dengan suasana kehidupan mereka. Dalam hal ini kedudukan golongan termiskin ini pada umumnya boleh dianggap sebagai kumpulan isi rumah yang terus ketinggalan walaupun terdapat proses pertumbuhan dan pembangunan. Antara faktor utama yang menyebabkan keadaan ini ialah kedudukan kawasan yang terpencil ataupun kurang perhatian yang diberi kepada mereka.